



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

**MODUL PENTAKSIRAN SUMATIF TINGKATAN 4 2021**  
**TINGKATAN EMPAT**  
**PENDIDIKAN ISLAM**

**1223/1**

**Kertas 1**

**Februari**

$2\frac{1}{2}$  jam

**Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **lima** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam kertas jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian jawapan hendaklah diikat dan dihantar kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi **6** halaman bercetak.

*Jawab semua soalan.*

1 (a) Firman Allah SWT :

﴿وَذَرِ الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَغَرَّتْهُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَذَكَرَ بِهِ أَنْ تَبْسَلَ نَفْسٌ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيٌّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِنْ تَعْدِلْ كُلُّ عَدْلٍ لَا يُؤْخَذُ مِنْهَا أُولَئِكَ الَّذِينَ أُبْسِلُوا بِمَا كَسَبُوا لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْفُرُونَ﴾

(Surah Al-An'am : ayat 70)

Ayat di atas menerangkan bahawa Allah SWT melarang perbuatan mempersendakan agama dan kewajiban menjaga kesucian Islam.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan **dua** contoh perbuatan mempersendakan agama. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan perbuatan mempersendakan agama. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** cara menjaga kesucian Islam. [4 markah]

(b) Nyatakan hukum tajwid bagi kalimah bergaris.

- (i) أَنْ تَبْسَلَ نَفْسٌ [1 markah]
- (ii) وَذَكَرَ بِهِ أَنْ [1 markah]

(c) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَأَنْ يَخْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ.  
(رواية البخاري)

Hadis di atas menjelaskan tentang kemuliaan amalan berdikari dalam kehidupan seorang muslim.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Nyatakan maksud kalimah yang bergaris. [2 markah]
- (ii) Jelaskan konsep berdikari menurut Islam. [2 markah]
- (iii) Terangkan pengajaran daripada hadis di atas. [2 markah]
- (iv) Ramai dalam kalangan pelajar yang tidak pandai untuk mengulangkaji pelajaran tanpa bantuan guru. Pada pendapat anda, mengapakah perkara ini terjadi? [4 markah]

- 2 (a) Al-Jabbar merupakan salah satu daripada 99 nama Allah SWT yang indah.
- (i) Nyatakan maksud al-Jabbar. [2 markah]
  - (ii) Jelaskan **dua** kefahaman mengenai nama Allah SWT al-Jabbar. [2 markah]
- (b) Setiap individu muslim wajib memelihara iman masing-masing daripada terbatal.
- (i) Nyatakan **dua** contoh perkataan yang boleh membatalkan iman. [2 markah]
  - (ii) Nyatakan **dua** syarat terbatal iman. [2 markah]
  - (iii) Jelaskan **dua** kesan melakukan perkara yang membatalkan iman terhadap individu. [2 markah]
- (c) Antara nama dan sifat Allah SWT ialah al-Muntaqim.
- (i) Nyatakan maksud al-Muntaqim. [2 markah]
  - (ii) Terangkan bagaimana Allah SWT bersifat al-Muntaqim terhadap orang yang melampaui batas. [2 markah]
- (d) Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunah adalah definisi ajaran sesat.
- (i) Senaraikan **dua** contoh ajaran sesat di Malaysia. [2 markah]



- (ii) Berdasarkan gambar di atas, ramalkan kemungkinan yang akan berlaku jika pengaruh ajaran sesat ini tidak dibanteras dalam kalangan masyarakat. [4 markah]

3 (a) Korban merupakan ibadah yang disyariatkan pada tahun kedua hijrah.

(i) Nyatakan maksud korban dari segi istilah. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** syarat sah korban. [2 markah]

(iii) Jelaskan cara pembahagian daging korban. [2 markah]

(iv) Jelaskan perbezaan antara korban dan akikah. [2 markah]

(b) Muamalah Islam adalah hukum syarak yang berkaitan dengan urusan kewangan.

(i) Nyatakan maksud akad dalam muamalah Islam dari segi istilah. [2 markah]

(ii) Senaraikan **tiga** contoh akad dalam muamalah Islam. [3 markah]



(iii) Berdasarkan gambar di atas, bagaimana cara membudayakan amalan menabung dalam kalangan anak-anak. [4 markah]

(c) Solat sunat gerhana merupakan amalan Rasulullah SAW apabila berlaku gerhana.

(i) Nyatakan hukum solat sunat gerhana. [1 markah]

(ii) Jelaskan **dua** hikmah solat sunat gerhana. [2 markah]

- 4 (a) Kerajaan Islam terdiri daripada beberapa era pemerintahan.
- (i) Senaraikan **dua** era pemerintahan kerajaan Islam. [2 markah]
  - (ii) Nyatakan **dua** ciri kepimpinan Khalifah Uthman bin Affan. [2 markah]
- (b) Kerajaan Abbasiyah telah diterajui oleh 37 orang khalifah.
- (i) Senaraikan **dua** khalifah yang terkenal pada zaman Abbasiyah. [2 markah]
- Umat Islam pada zaman kerajaan Abbasiyah telah berjaya mengangkat martabat Islam di mata dunia.
- (ii) Huraikan tindakan yang perlu dilakukan oleh umat Islam kini bagi mengembalikan kegemilangan umat Islam terdahulu. [4 markah]
- (c) Imam Abu Hanifah adalah antara tokoh empat mazhab yang terkenal dalam dunia Islam.
- (i) Nyatakan nama penuh Imam Abu Hanifah. [1 markah]
  - (ii) Jelaskan **dua** sumbangan Imam Abu Hanifah. [2 markah]
  - (iii) Jelaskan bukti kesungguhan Imam Abu Hanifah dalam menuntut ilmu. [2 markah]
- (d) Imam Ahmad bin Hanbal merupakan tokoh mazhab yang dilahirkan di Baghdad.
- (i) Senaraikan **dua** keperibadian Imam Ahmad bin Hanbal. [2 markah]
  - (ii) Nyatakan karya Imam Ahmad bin Hanbal yang popular. [1 markah]
  - (iii) Terangkan iktibar daripada keunggulan Imam Ahmad bin Hanbal. [2 markah]

5 (a) *Khauf* dan *raja* ' merupakan dua sifat terpuji yang saling berkaitan.

(i) Jelaskan konsep *khauf* dan *raja* ' yang seimbang. [2 markah]

Sifat *khauf* dan *raja* ' akan melahirkan seorang remaja muslim yang sejati.

(ii) Huraikan pendapat anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

(b) Islam meletakkan kemuliaan terhadap orang kurang upaya.

(i) Apakah maksud orang kurang upaya? [2 markah]

(ii) Terangkan hikmah sekiranya kita beradab dengan orang kurang upaya. [2 markah]



(iii) Berdasarkan gambar di atas, huraikan pendapat anda bagaimana mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi menyantuni golongan orang kurang upaya. [4 markah]

(c) Wasatiah menjamin kecemerlangan umat.

(i) Jelaskan **dua** ciri umat yang cemerlang. [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** hikmah melaksanakan prinsip wasatiah dalam kehidupan. [4 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**